


Kesempitan hidup dan tiada keupayaan kewangan menyebabkan kehidupan orang Melayu yang juga penduduk asal di Pulau Pinang semakin terhimpit. Kemiskinan bandar menyebabkan ramai orang Melayu berpindah keluar dari Georgetown.

Perkampungan Melayu makin lenyap

BH 6/5/2016 MS 12



Fakta grafik

Perkampungan Melayu di Geogretown

➔ Pembangunan tak terkawal pinggir rakyat miskin

ramai masyarakat Melayu bekerja di Georgetown, tetapi majoriti mereka memilih menetap di Seberang Prai. Petunjuknya adalah kesesakan teruk di Jambatan Pulau Pinang setiap hari," katanya kepada BH.

Taburan penduduk pada tahun 2013 menunjukkan kurang daripada 40,000 penduduk Melayu menetap di beberapa perkampungan Melayu di Georgetown, tidak termasuk mereka yang tinggal sebagai setinggan dan di flet.

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

► Georgetown

Perpindahan masyarakat Melayu dari bahagian pulau negeri ini kerana dihimpit kemiskinan bandar dan ketidakupayaan membeli hartanah dijangka berterusan.

Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia, Prof Madya Dr Azeem Fa-zwan Ahmad Farouk mendedahkan hanya segelintir Melayu akan tinggal di bandar raya ini dalam tempoh 20 hingga 30 tahun.

Kajian beliau mendapati ramai orang Melayu yang menetap di Georgetown kini berhijrah ke sekitar Seberang Prai atau Kedah bagi membeli kediaman mereka kerana lebih murah.

Menetap di Seberang Prai

"Dalam aspek kerjaya memang

Kaum lain juga terkesan

Azeem berkata, dalam tempoh jangka panjang juga, Georgetown bakal didiami hanya golongan berpendapatan tinggi sahaja berdasarkan nilai hartanah melebihi RM500 satu kaki persegi ketika ini.

"Saya tegaskan bukan orang Melayu sahaja tidak mampu membeli rumah ketika ini, tetapi kaum lain juga merasai kesan sama cuma keadaan lebih kritikal kerana masyarakat Melayu majoritinya bekerja makan gaji.

"Sudah sampai masanya pembangunan terkawal dilaksanakan, apa guna bina rumah tetapi kediaman itu tidak mampu dimiliki rakyat tempatan dan untuk siapa semua pembangunan ini sebenarnya?" katanya.



1.6 JUTA
penduduk
Pulau Pinang
pada tahun
2013

674,000
PENDUDUK
Melayu
Pulau Pinang

Fakta nombor